

04/03/2004

Empat artis terima sijil MBR

Hanisah Selamat

SUMBANGAN penggiat seni terhadap pembangunan sosial dan ekonomi tidak pernah dilupakan malah ia kini sudah dianggap sama penting seperti bidang kerjaya lain.

Bukan saja menonjol di negara sendiri, ada kalangan anak seni tempatan berusaha memperjudikan bakat hingga mampu menyerlah di mata luar sekali gus mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

Justeru, tidak hairan jika usaha serta kejayaan yang ditempa menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) sebagai tanda penghargaan dan menjana semangat di atas sumbangan mereka .

Beberapa nama besar dalam industri seni suara seperti Datuk Sharifah Aini, Siti Nurhaliza dan Norazila Aminuddin atau Ella adalah antara penerima sijil MBR yang diraikan pada majlis Malam Anugerah dan Pelancaran Edisi Emas MBR, kelmarin.

Majlis yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur dengan dihadiri lebih 1,000 jemputan itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ia dilancarkan sebagai penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang gigih berusaha membentuk sikap berani menghadapi cabaran dan sentiasa mengejar kecemerlangan rakyat Malaysia.

Turut memeriahkan acara ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Nazri Aziz; Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan Pengasas MBR, Datuk Danny Ooi.

Selain golongan artis, majlis yang sama turut menghimpunkan ramai lagi penerima sijil yang datang daripada pelbagai latar belakang termasuk kejayaan di bidang sains, sukan, perniagaan, alam semula jadi serta pencapaian individu.

Di arena seni suara, Datuk Sharifah Aini yang sudah menghasilkan hampir 100 album (termasuk EP dan LP) sepanjang 36 tahun bergelar penyanyi menerima sijil Residen Artis Paling Lama Di Sebuah Syarikat Rakaman. Sejak EP pertama, Seri Dewi Malam hingga ke hari ini, penyanyi itu setia bernaung di bawah label EMI Malaysia.

"Tentunya saya terharu menerima pengiktirafan ini kerana tidak sangka kesetiaan bersama EMI mendapat perhatian. Malah saya gembira menyaksikan penyanyi muda seperti Siti (Nurhaliza) dan Ella turut sama naik ke pentas, malam ini," katanya.

Siti Nurhaliza yang manis mengenakan kebaya moden hijau pucuk pisang pula mengakui sebagai insan seni dia memanjatkan rasa syukur apabila kejayaan yang diraih tercatat dalam Malaysia Book of Records. Namanya direkod sebagai Penerima Anugerah Terbanyak.

"Ini bukan kejayaan Siti seorang kerana ia disokong banyak pihak termasuk syarikat rakaman, keluarga, peminat dan mereka yang sentiasa berada di sebalik kerjaya nyanyian Siti. Diharap pencapaian ini akan membuatkan Siti lebih tekun berusaha," katanya.

Sementara itu, Ella yang digelar peminat sebagai Ratu Rock meraih sijil Jualan Album Solo Terbaik menerusi Ella USA yang diedarkan melebihi 320,000 unit sebaik saja keluar di pasaran pada Februari 1994. Hingga kini belum ada album solo lain yang mengatasi rekodnya.

Penyanyi berusia 37 tahun itu yang ditemui sebaik saja majlis mengucapkan rasa gembira dengan pengiktirafan terbabit kerana menganggap ia menyuntik semangat artis lain bahawa tiada yang mustahil selain menunjukkan kejayaan insan seni membuka mata masyarakat.

"Bukan mudah mencapai jualan sebanyak itu tetapi ia dibuktikan dengan kerjasama semua pihak termasuk sokongan peminat. Bagi saya sijil yang diberikan MBR ini bukan untuk saya seorang tetapi mewakili keseluruhan artis," katanya.

Selain tiga penyanyi wanita itu, antara senarai artis lain yang dicatat dalam MBR ialah Datuk Ahmad Nawab (Pencipta Lagu Terbanyak), Raihan (Jualan Album Nasyid Terbanyak/Puji-Pujian), Itoshii (Band Termuda), Tan Sri SM Salim (Duet Terbanyak Dalam Satu Album/Sekarang Dah Jadi).

Kurang berseri majlis tanpa dendangan, justeru malam itu tetamu dihiburkan persembahan Siti bersama Bukan Cinta Biasa disusuli Sharifah Aini dengan lagu Bunga Tanjung manakala Ella menyampaikan Standing In The Eye of the World.